



**GARIS PANDUAN CAPAIAN
INTERNET BAGI KEDAHNET
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Disediakan oleh:
**Bahagian Teknologi Maklumat dan
Komunikasi**

1. Tujuan

Garis Panduan ini bertujuan untuk memastikan Sistem Rangkaian di Jabatan/Agensi Negeri Kedah berjalan lancar.

2. Skop

Garis Panduan ini merangkumi kawalan capaian aplikasi dan internet bagi talian Kerajaan Negeri Kedah.

3. Capaian Laman

3.1 Tanggungjawab Pentadbir Rangkaian dan Pengurus ICT

- 3.1.1 Penggunaan Internet hendaklah dipantau secara berterusan oleh Pentadbir Rangkaian bagi memastikan penggunaannya untuk tujuan capaian yang dibenarkan sahaja. Tujuan untuk melindungi daripada kemasukan *malicious code*, virus dan ancaman yang tidak sepatutnya ke dalam rangkaian.
- 3.1.2 Kaedah *Content Filtering* digunakan bagi mengawal akses Internet mengikut fungsi kerja dan pemantauan tahap pematuhan.
- 3.1.3 Penggunaan teknologi (*packet shaper*) untuk mengawal aktiviti (*video conferencing, video streaming, chat, downloading*) adalah perlu bagi menguruskan penggunaan jalur lebar (*bandwidth*) yang maksimum dan lebih berkesan.
- 3.1.4 Penggunaan Internet hanyalah untuk kegunaan rasmi sahaja. Pengurus ICT berhak menentukan pengguna yang dibenarkan menggunakan Internet atau sebaliknya.

3.2 Tanggungjawab Pengguna

- 3.2.1 Laman yang dilayari hendaklah hanya yang berkaitan dengan bidang kerja dan terhad untuk tujuan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah / pegawai yang diberi kuasa.
- 3.2.2 Bahan yang diperolehi dari Internet hendaklah ditentukan ketepatan dan kesahihannya. Sebagai amalan terbaik, rujukan sumber Internet hendaklah dinyatakan.
- 3.2.3 Bahan rasmi hendaklah disemak dan mendapat pengesahan daripada Ketua Bahagian sebelum dimuat naik ke Internet.
- 3.2.4 Pengguna hanya dibenarkan memuat turun bahan yang sah seperti perisian yang berdaftar dan dibawah hak cipta terpelihara.
- 3.2.5 Sebarang bahan yang dimuat turun dari Internet hendaklah digunakan untuk tujuan yang dibenarkan.
- 3.2.6 Hanya pegawai yang mendapat kebenaran sahaja boleh menggunakan kemudahan sidang video. Kandungan sidang video ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan terlebih dahulu tertakluk kepada dasar dan peraturan yang telah ditetapkan.
- 3.2.7 Penggunaan modem selain daripada talian KedahNet untuk tujuan sambungan ke Internet tidak dibenarkan kecuali mendapatkan kebenaran dari pihak Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.
- 3.2.8 Pengguna adalah dilarang melakukan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- i. Memuat naik, memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian tidak berlesen dan sebarang aplikasi seperti permainan elektronik, video, lagu yang boleh menjejaskan tahap capaian internet.
- ii. Menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan atau bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah.

4. Penyalahgunaan Capaian

4.1 Pengguna dilarang mengganggu atau mencerooboh laman web mana-mana jabatan, organisasi atau negara.

4.2 Pengguna dilarang memasuki, menyalin, meniplak, mencetak dan menyebarkan maklumat daripada internet yang menyalahi undang-undang negara.

4.3 Sekiranya pengguna didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, pihak Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk menyekat kemudahan capaian internet yang telah diberikan.

5. Tarikh Kuatkuasa

Garis panduan ini berkuatkuasa mulai 04 Mac 2021.